

25 JUL 2003

JAMALUDIN-BON

M'SIA ADAKAN PENERANGAN BERGERAK UNTUK TERBIT BON EURO ISLAM DI DUBAI

KUALA LUMPUR, 25 Julai (Bernama) -- Malaysia akan mengadakan penerangan bergerak bagi menerbitkan bon Sukuk sekitar 600 juta euro di Dubai ketika mesyuarat Tabung Mata wang Antarabangsa (IMF) dan Bank Dunia, Sept ini, kata Menteri Kewangan Kedua Datuk Dr Jamaludin Jarjis hari ini.

Dr Jamaludin berkata, penerangan bergerak bon Islam global yang bermatlamat dijadikan sebagai penanda aras ini sepatutnya telah diadakan pada bulan April lepas tetapi terpaksa ditangguhkan kerana keadaan yang tidak sesuai akibat pencerobohan tentera Amerika di Iraq.

"Kerajaan percaya bulan Sept merupakan masa yang sesuai dalam keadaan pasaran semasa, yang turut bergantung kepada perubahan pasaran. Ia membabitkan Kementerian Kewangan, Bank Negara dan Suruhanjaya Sekuriti," katanya.

Semalam, beliau berkata, terbitan bon Sukuk itu dirancang dilaksanakan dalam September tahun ini tetapi keputusan dibuat menangguhkannya dengan harapan tinjauan ekonomi bulan-bulan mendatang akan bertambah baik.

Dr Jamaluddin ditemui selepas merasmikan pelancaran produk terbaru Bank Islam Malaysia Bhd (BIMB) yang dikenali sebagai Wahdah. Produk tersebut dilancarkan bersempena ulang tahun Ke-20 BIMB.

Dalam perkembangan lain, beliau berkata, antara topik yang akan dibincangkan di Dialog Perkongsian Teknologi dan Perniagaan Malaysia-Thailand adalah mengenai pasaran bon Asean di mana penggunaan komponen Islam akan dicadangkan.

Dialog tersebut yang akan berlangsung di Langkawi pada 27 dan 28 Julai ini akan dihadiri oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan rakan sejawatannya, Dr Thaksin Shinawatra.

Sementara itu, Dr Jamaludin menyarankan BIMB supaya bersedia menghadapi cabaran global dengan menghasilkan produk-produk bertaraf antarabangsa yang boleh memberi saingan kepada bank-bank konvensional milikan asing.

Beliau menyarankan bank Islam pertama Malaysia ini mengadakan pakatan strategik dengan universiti tempatan supaya kepakaran dapat digabungkan bagi memenuhi agenda memperkenalkan produk Islam ke peringkat global.

Jumlah aset perbankan Islam pada akhir bulan Mei, 2003 berjumlah RM73.4 bilion manakala jumlah deposit dan pembiayaan masing-masing berjumlah RM55.2 bilion dan RM41.3 bilion.

Jumlah bank yang menawarkan perbankan Islam pula kini terdiri daripada dua buah bank Islam, 13 bank perdagangan, sembilan syarikat kewangan, empat bank saudagar dan tujuh syarikat diskaun, katanya.

Manakala outlet yang menawarkan kemudahan perbankan Islam, beliau berkata, terdiri daripada 138 cawangan perbankan Islam sepenuhnya dan 2,065 kaunter perbankan Islam, sementara syarikat Takaful kini berjumlah empat buah.

Jamaludin berkata, pasaran modal dan pasaran wang Islam kini semakin memberangsangkan, dengan syarikat amanah berteraskan Islam yang kini berjumlah 26 buah menguruskan dana RM705 juta sehingga akhir 2002.

Pasaran wang Islam pula mempunyai pelbagai instrumen seperti Terbitan Kerajaan, Bil Penerimaan dan Instrumen Boleh Niaga dengan jumlah urusan RM32.7 bilion pada akhir 2002, katanya.

Di pasaran saham pula, beliau berkata, terdapat Indeks Islam Bursa Saham Kuala Lumpur dan Indeks Islam RHB dan senarai kaunter saham yang dipaparkan secara telus dengan lebih 66 peratus menepati kehendak Syariah.

-- BERNAMA

MAS AHM